



Untuk Terbitan Media
1 Julai 2024

SIARAN MEDIA

36.7 PERATUS PENCARUM SKSPS DARI SEKTOR PENGANGKUTAN PENUMPANG, BARANGAN DAN MAKANAN

ALERT: 648,657 INDIVIDU CARUM SKSPS SEHINGGA 21 JUN 2024

PULAU PINANG: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merekodkan 237,950 individu bersamaan 36.7 peratus merupakan pencarum aktif bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) adalah daripada sektor pengangkutan penumpang serta pengangkutan barangan dan makanan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong memaklumkan jumlah keseluruhan pencarum aktif SKSPS sehingga 21 Jun lalu adalah seramai 648,657 individu dengan sasaran pencapaian ke arah 1 juta pencarum skim ini telah mencapai 62 peratus.

“Daripada jumlah itu, 5,787 rakan pemandu (e-hailing) dan penghantar (p-hailing) zon wilayah utara merupakan pencarum aktif SKSPS menerusi inisiatif tajaan oleh Grab Malaysia kepada lebih 180,000 rakan pemandu dan penghantar kendalian mereka yang telah dilaksanakan pada awal Jun lalu di Kuala Lumpur dengan nilai kumulatif perlindungan berjumlah lebih RM4.2 juta bagi tempoh 12 bulan bermula daripada tarikh yang didaftarkan.

“Peningkatan yang memberangsangkan ini membuktikan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan mendapat sambutan positif dan bukti kesedaran masyarakat akan kepentingan memiliki perlindungan keselamatan sosial dalam kehidupan.

“SKSPS ini menyediakan faedah tunai kepada orang berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya yang turut meliputi rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

“Antara faedah yang boleh diperolehi oleh pencarum yang layak adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional serta Faedah Pendidikan,” jelas beliau ketika menyantuni e-hailing dan penghantar p-hailing zon wilayah utara di Bukit Jawi.

Steven Sim turut berkongsi perangkaan kes tuntutan SKSPS dan pembayaran faedah untuk 2024 sehingga 21 Jun lalu adalah sebanyak 2,398 kes tuntutan yang berjaya diproses dengan pembayaran faedah keseluruhan mencecah lebih RM10.75 juta merangkumi 20 sektor.

“Daripada jumlah itu, sektor e-hailing dan p-hailing merekodkan sebanyak 631 kes tuntutan dengan pembayaran faedah di bawah sektor terbabit berjumlah RM3.3 juta dan 174 kes di bawah zon utara dengan jumlah RM644,000, sekali gus membuktikan caruman yang dilakukan adalah demi kemaslahatan pencarum serta tanggungannya dan bukan suatu bebanan kewangan,” jelas beliau.

Steven Sim turut menyampaikan Nota Perlindungan oleh PERKESO dan Grab Malaysia kepada rakan pemandu dan penghantar yang terpilih serta sumbangan Kotak Prihatin kepada penerima faedah PERKESO dibawah SKSPS dengan harapan ia sedikit sebanyak mampu meringankan beban yang dipikul keluarga mereka sekali gus berupaya membawa senyuman kepada penerima.

“Rakan pemandu dan penghantar berkecenderungan yang berhasrat untuk menceburi sektor pasaran buruh formal diseru untuk menyertai program peningkatan kemahiran yang ditawarkan PERKESO melalui program Bina Kerjaya yang menawarkan latihan *upskilling* dan *reskilling* dengan tanggungan latihan mengikut kategori persijilan mencecah RM4,000 dengan elaun latihan diberikan sebanyak RM30 untuk tempoh 20 hari yang boleh dimohon menerusi portal pekerjaan negara iaitu www.myfuturejobs.gov.my,” tambahnya lagi.

Turut hadir pada majlis hari ini adalah Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri PERKESO, Encik Mohamad Haron Othman dan Pengarah PERKESO Negeri Pulau Pinang, Puan Rafidah Abdul Rahim.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

1 Julai 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my